

# Langgguh aktiviti luar, tunggu keadaan pulih

**Kuala Lumpur:** Semua pelajar di Pasir Gudang dinasihatkan supaya memberhentikan aktiviti luar dan sentiasa memakai penutup mulut dan hidung atau topeng jenis R95, ekoran pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, baru-baru ini.

Ketua Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Katalisis (PutraCAT), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin, berkata jika pelajar mengalami tanda keracunan antaranya mual, pening kepala atau muntah, mereka perlu segera mendapatkan rawatan perubatan dengan kadar segera.

“Wap bahan kimia yang tercemar iaitu *benzena* dan *akrilonitril* seperti yang dilaporkan amat memba-

hayakan kesihatan kerana bersifat toksik, selain pendedahan yang berpanjangan boleh menyebabkan risiko untuk mendapat kanser.

“Pelajar juga perlu mandi dengan kerap jika terpaksa berada di luar rumah bagi mengelakkan kemungkinan sisa kimia terkena anggota badan dan merebak kepada orang lain,” katanya kepada *BH Minda*, baru-baru ini.

Pencemaran yang berlaku di Pasir Gudang menyebabkan hampir 3,976 kes direkodkan sejak 7 Mac lalu.

*BH Minda* difahamkan terdapat lapan sebatian kimia berbahaya disahkan dibuang di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang antaranya ialah *metana*, *hidrogen klorida*, *akrilonitril*, *akrolein*, *benzena*, *toulena*, *xylene* dan *limonene*.

Mengulas lanjut, Prof Taufiq Yap berkata, pendedahan terhadap gas toksik dalam tempoh waktu yang panjang boleh meningkatkan risiko untuk terjadinya kerosakan organ dalaman.

## Patuhi arahan

“Ibu bapa dan penguat kuasa tempatan perlu mengambil tindakan bagi membendung pelajar dan orang ramai berada di persekitaran luar, terutama berhampiran kawasan terjejas,” katanya.

Beliau juga menasihatkan pelajar di kawasan terjejas perlu mengikut semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan pihak berkuasa.

“Jika perlu, tangguhkan dulu semua aktiviti luar



Dr Taufiq Yap Yun Hin

sehingga keadaan disahkan pulih,” katanya.

Walaupun kadar pembebasan gas sudah berkurangan, beliau berkata, pihak berkaitan disarankan untuk terus memantau saluran sungai supaya kejadian itu tidak berulang.



**Pelajar dan guru** dinasihatkan sentiasa memakai penutup mulut dan hidung untuk langkah pencegahan.

“Pemantauan berterusan juga perlu dilakukan supaya sungai di negara ini sentiasa terpelihara dan bersih daripada pencemaran sisa industri yang bersifat toksik sehingga boleh menjejaskan

kesihatan orang ramai.

“Diharap pihak industri yang terbabit dalam pembuangan sisa kimia terus dipantau bagi memastikan kejadian sama tidak berulang,” katanya.